

Pandemik bukan alasan organisasi abai integriti

Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama-sama Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) mempunyai peranan signifikan dalam pembangunan kapasiti dan kompetensi sektor awam serta badan korporat.

Tumpuan peranan kedua-duanya terarah kepada usaha pemantapan integriti serta profesionalisme menerusi penekanan terhadap pengaplikasian instrumen dan teknologi baharu.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang dilancarkan 29 Januari tahun lalu antara inisiatif komprehensif dan inklusif kerajaan ke arah mencapai matlamat negara bebas rasuah dan berintegriti.

Ini pelan bersepadu yang julung kali digubal bagi menentang rasuah, dengan menggariskan enam bidang keutamaan yang menjadi teras dalam usaha pembanterasannya rasuah negara.

Ini meliputi Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Perundangan dan Kehakiman, Penguatkuasaan Undang-Undang serta Tadbir Urus Korporat.

Sehingga 31 Mei lalu, sebanyak 29 inisiatif di bawah enam strategi pelaksanaan NACP itu dilaksanakan, dengan majoritinya di bawah teras Tadbir Urus Politik.

Peranan GIACC sebagai Sekretariat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) juga diperkasa bagi memastikan hasrat murni kerajaan dapat dilaksanakan secara tersusun dan berkesan.

Jawatankuasa Antirasuah (JAR) dilaksanakan di beberapa peringkat Kementerian dan jabatan. Ia akan dimantapkan bagi memastikan dasar dirangka tidak berkompromi sebarang tindakan rasuah.

Dalam memperkasa kompetensi penjawat awam amnya, GIACC mengambil inisiatif menganjurkan kursus *Strategic Leadership Course on Governance, Integrity and Anti-Corruption* dengan kerjasama rakan strategik iaitu Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Razak School of Government (RSOG). Ia membabitkan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional yang berpotensi dan dipilih JPA.

Bagi merealisasikan mekanisme transformasi baharu pemantapan integriti dalam kerangka perniagaan strategik, IIM mengambil langkah inovatif membina rangkaian perkongsian pintar dan komprehensif menerusi kepelbagaian pendekatan, terutama dalam bidang pembekalan latihan, konsultasi serta program kesedaran.

Langkah diambil dengan memperkalkan beberapa produk perkhidmatan, instrumen serta kaedah boleh dilaksanakan secara praktikal dalam usaha memperkukuhkan sistem kualiti pengurusan dalaman sesebuah or-

ganisasi sebagai langkah pencegahan rasuah.

Pendekatan ini secara tidak langsung merekayasa sistem pengurusan kualiti perkhidmatan penjawat awam mahupun swasta, bagi menjamin peningkatan amalan governans, integriti dan antirasuah.

Seiring visi IIM sebagai pusat kecemerlangan pembangunan budaya integriti, kerajaan sentiasa memfokuskan dan menitikberatkan akauntabiliti kepemimpinan berintegriti dalam organisasi dan negara.

Malah, individu memiliki integriti tinggi adalah prasyarat utama menentukan kepemimpinan diperlukan dalam setiap organisasi.

Sempena Hari Integriti Nasional disambut 5 November setiap tahun dan kali ini dalam budaya kerja norma baharu, setiap organisasi tidak seharusnya menjadikan COVID-19 sebagai alasan untuk tidak melaksanakan program pemantapan integriti.

Semua inisiatif tetap boleh dilaksanakan sama ada secara dalam talian mahupun fizikal dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketat dengan tujuan:

Pertama, memupuk kesedaran dalam kalangan penjawat awam di Kementerian dan agensi di bawahnya mengenai keperluan dan kepentingan mengamalkan nilai murni dan integriti.

Kedua, memberi penjelasan mengenai isu berkaitan kesalahan tatatertib, ketidakpatuhan tadbir urus dan mewujudkan kesedaran mengenai norma tatakelakuan yang baik kepada pegawai dan kakitangan di Kementerian dan agensi.

Ketiga, memberi akses kepada warga Kementerian dan jabatan atau agensi untuk memperoleh dan menyalurkan maklumat berkaitan isu governans, integriti dan antirasuah dengan lebih mudah dan tepat.

IIM juga berperanan memberikan konsultasi dan nasihat kepada ketua badan awam dan swasta dalam mengenal pasti punca risiko berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penye-

lewangan berhubung amalan, sistem dan tatacara kerja dalam organisasi masing-masing.

Selain itu, IIM bertindak sebagai institusi yang membantu proses runding cara dan pelaksanaan beberapa inisiatif strategik antirasuah.

Ini seperti Penilaian Risiko Rasuah (CRA), Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016, Pelaksanaan Garis Panduan Tatacara Mencukupi NACP, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Taklimat-Taklimat Liabiliti Korporat (Seksyen 17A), Latihan Etika dan Integriti, Penilaian Integriti Individu (IIP) dan mengkoordinasi sebar luas maklumat latihan konsultasi kepada ahli berdaftar dalam Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM).

Semua inisiatif ini menjadi pencetus dalam usaha pencegahan rasuah dalam sektor swasta, badan korporat serta agensi kerajaan.

Pelbagai langkah boleh diambil setiap organisasi, termasuk analisis dan

pengurusan untuk mengenal pasti potensi risiko rasuah, prosedur pelaksanaan untuk menetapkan dan menambah baik tadbir urus, selain amalan antirasuah serta sistem pemantauan untuk memastikan penambahbaikan secara berterusan.

Usaha menambah baik sistem pengurusan dalaman organisasi ini perlu dilaksanakan setiap masa dan di mana jua.

Pandemik COVID-19 mengubah paradigma baharu dari segi tatacara budaya kerja dan norma sosial masyarakat. Namun, keberhasilan produktiviti negara hendaklah sentiasa menjadi keutamaan demi kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Selamat menyambut Hari Integriti Nasional 2020 dengan bertepatan: 'Integriti Penentu Kejayaan Budaya Kerja Norma Baharu'.

Penulis adalah Ketua Setiausaha Negara yang juga Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM)



Tan Sri Mohd Zuki Ali



Pandemik COVID-19 mengubah paradigma baharu dari segi tatacara budaya kerja dan norma sosial masyarakat. Namun, keberhasilan produktiviti negara hendaklah sentiasa jadi keutamaan demi kestabilan, pertumbuhan ekonomi negara.